

# Empat lagi negeri sokong pencalonan Mahathir, Pak Lah

UM 12 JAN 2000

Oleh SHOLINA OSMAN dan RADHUAN HUSSAIN

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Empat lagi badan perhubungan UMNO, Terengganu, Kedah, Wilayah dan Perlis dengan sebulat suara turut menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai calon tunggal untuk jawatan presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan Mei depan.

Keempat-empat badan perhubungan UMNO negeri itu akan menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) berhubung pertandingan jawatan-jawatan berkenaan.

MT dalam mesyuaratnya 3 Januari lepas memutuskan supaya Dr. Mahathir dikekalkan pada jawatannya sebagai Presiden UMNO manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden.

Ia juga mengesyorkan supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

**Di Kuala Terengganu,** Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Dr. Tengku Mahmud Mansor ketika menyatakan pendirian itu berkata, beliau percaya Terengganu akan menyokong keputusan itu kerana tidak mahu berlaku perpecahan di kalangan pemimpin di semua peringkat termasuk pusat.

Malah jelasnya, sokongan itu juga dibuat memandangkan Timbalan Perdana Menteri merupakan pengerusi baru Badan Perhubungan UMNO Terengganu.

Negeri Sembilan menyokong keputusan MT mengenai perkara itu.

Pada mesyuarat 3 Januari lalu, MT memutuskan supaya Dr. Mahathir dikekalkan pada jawatannya manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden.

MT juga meminta supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Dr. Tengku Mahmud juga memberitahu, usaha itu nanti akan membantu mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan pemimpin dan ahli UMNO.

“Antara satu sama lain tiada perbezaan, yang penting di antara mereka ada persamaan bagi mendukung kekuatan dalam meneruskan perjuangan,” jelasnya.

Beliau juga yakin bawanya dengan wujudnya ‘kegelojohan’ serta sifat ‘latah’ kerajaan Pas Terengganu sekarang, Barisan Nasional (BN) dapat merampas semula pemerintahan di negeri itu.

Bagaimanapun tambahnya, kejayaan dan kemenangan itu hanya dapat dicapai sekiranya pemimpin serta seluruh ahli UMNO bersatu padu selain kerjasama antara badan perhubungan UMNO negeri dengan pusat.

## Pendirian

**Di Alor Setar,** Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah memberikan sokongan penuh terhadap keputusan MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, kata Pengerusinya, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Datuk Suleiman Mohamed ketika ditemui pemberita berkata, semua 11 bahagian UMNO Wilayah membuat keputusan menyokong nasihat MT itu.

Katanya, adalah penting pemilihan UMNO tidak dijadikan sebagai kancah perebutan jawatan dalam parti kerana UMNO kini berdepan dengan pelbagai musuh di luar.

“Kita masih berdepan dengan Pas, Keadilan dan lain-lain pembangkang. Jadi kalau ada pertandingan jawatan tertinggi dalam parti, macam mana kita nak berdepan dengan musuh di luar,” katanya.

## Bijak

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kesemua tiga bahagian UMNO negeri menyokong saranan MT kerana ia akan mengelakkan perpecahan dalam parti.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata badan itu akan mengadakan mesyuarat dalam minggu ini.

Beliau secara peribadi bersetuju dengan nasihat MT supaya tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tertinggi UMNO.

**Di Putrajaya,** Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, ia akan bermesyuarat minggu depan bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk pemilihan itu.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Setiu memberitahu, UMNO bahagian di bawah pimpinannya juga menyatakan pendirian untuk sebulat suara menyokong penuh keputusan MT mencalonkan Dr. Mahathir mempertahankan jawatan Presiden dan Abdullah sebagai Timbalan Presiden.

"Untuk itu saya akan berusaha serta merayu seluruh UMNO bahagian lain di negeri ini untuk sama-sama memberikan sokongan kepada keputusan itu.

"Apa yang kita mahu ialah supaya tiada rasa sengketa sesama sendiri sebaliknya kembali bersatu di bawah satu pucuk pimpinan baru," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, tiga badan Perhubungan UMNO negeri iaitu Johor, Melaka dan

Beliau berkata, jawatan itu wajar tidak dipertandingkan kerana ini akan lebih memudahkan proses pencalonan jawatan lain seperti Naib Presiden dan juga ahli MT.

Di samping itu katanya, perhimpunan agung UMNO juga akan berjalan dengan lancar, penuh tertib dan juga berdisiplin.

"Walaupun mesyuarat UMNO negeri masih belum diadakan tetapi saya yakin 15 bahagian UMNO Negeri ini tidak akan berganjak dengan pendirian tersebut," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata, hasil dari tinjauan yang dilakukan juga mendapati kesemua bahagian akan menyokong penuh supaya kedua jawatan tertinggi UMNO itu tidak akan dipertandingkan.

"Saya menjangkakan tidak akan ada apa-apa masalah. Kita akan mematuhi keputusan Majlis Tertinggi sebab kita percaya keputusan ini ialah satu keputusan yang bijak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi kepimpinan bagi 100 anggota UMNO di Jabatan Perdana Menteri.

Adnan berkata, saranan MT itu ialah sesuatu yang baik dan semua anggota parti patut akur demi menjaga kekuatan parti.

"Saya percaya kalau ada pertandingan, pasti ada perpecahan," katanya.

Kata beliau, kadangkala demokrasi tidak membawa banyak kebaikan kerana ia juga mempunyai kelemahan yang boleh membawa kepada perpecahan.